

29 JUN 1996

Yahya-Usahawan

USAHAWAN BUMIPUTERA TENGGELAM DALAM KEKALUTAN PERCAKARAN KUASA

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Tan Sri Yahya Ahmad kecewa dengan sikap sesetengah usahawan Melayu yang bercakaran sesama sendiri sehingga menjejaskan kredibiliti dan hala tuju mereka.

Kata beliau, walaupun banyak langkah telah diambil oleh kerajaan dan DPMM untuk membantu mereka, beliau dukacita kerana mereka "masih tenggelam dalam kekalutan percakaran kuasa".

"Hala tuju kita akan terus kabur dan kredibiliti kita akan terus tandus, selagi kita terus menonjolkan budaya bercakaran," kata beliau ketika berucap pada mesyuarat agung tahunan DPMM ke-31 di sini hari ini.

Mesyuarat itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yahya yang juga Pengerusi Hicom Holdings dan beberapa syarikat gergasi lain, berkata: "Kita harus sedar bahawa kekuatan kita perlu berlandaskan perpaduan yang utuh dan objektif yang nyata...Kita tidak mempunyai masa meladeni keremehan begitu rupa."

Beliau berkata usahawan Bumiputera harus sedar bahawa ekonomi Malaysia semakin ditenggelami oleh arus globalisasi.

"Kita harus sedar bahawa APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik) yang memperjuangkan pembebasan pasaran dunia akan meruntuhkan segala bentuk tembok dan mencabar kedaulatan negara dan bangsa," kata beliau.

Lantaran itu, mereka perlu memperlengkapkan diri, memperteguh dan mengeratkan perpaduan dan menjelaskan objektif serta hala tuju, kata beliau.

"Tiada siapa yang lebih penting melainkan perjuangan. Janganlah kita mengkhianati bangsa dengan kerakusan kuasa sehingga objektif perjuangan kita tercabar," kata beliau.

Yahya berkata jika mereka berasa sudah tidak dapat menyumbang terhadap perjuangan masyarakat Bumiputera, mereka sepatutnya mengundur diri secara terhormat.

Mengenai usahasama antara usahawan Melayu dan bukan Melayu, Yahya berkata sejak Program Usahasama antara DPMM dan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM) dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Disember lepas, 12 syarikat usahasama tulen telah diwujudkan.

Katanya, 20 syarikat lagi akan dilancarkan tidak lama lagi.

DPMM juga sedang berunding dengan syarikat-syarikat gergasi Melayu dan bukan Melayu tempatan dan asing untuk membangunkan program vendornya. --

BERNAMA

ES NMO